



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	5/12/2019	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	JPSM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Wujud unsur rasuah seludup hasil hutan

PETALINGJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak menolak kemungkinan wujud unsur rasuah dalam aktiviti penyeludupan hasil hutan dan pemburuan haiwan liar yang berleluasa di beberapa negeri.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya berkata, pihaknya banyak menerima laporan berhubung isu penyeludupan dan pemburuan haiwan liar, namun enggan memberi pendedahan lanjut termasuk negeri terlibat kerana ia akan mengganggu siasatan.

"Ya, SPRM ada menerima banyak laporan, semua ini

(penyeludupan dan memburu haiwan) tidak akan berlaku jika tiada rasuah.

"Pihak saya ketika ini sedang bekerjasama rapat dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) bagi membanteras kegiatan sedemikian," katanya di sini semalam.

Pada 28 November lalu, Perhilitan dan PDRM mendedahkan seramai 63 orang termasuk 48 orang warga asing ditahan dalam Operasi Bersepadu Khazanah kerana dipercayai terlibat dalam jenayah hidupan liar. - *Bernama*